



BALAI SENI NEGARA
2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,
53200 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998
Email: pr.artgallery@1govuc.gov.my
Website: www.artgallery.gov.my



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI & BUDAYA MALAYSIA

KUL ART AIRPORT

PERUTUSAN YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam Keluarga Malaysia.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) sentiasa menghargai bakat seniman kreatif yang giat melaksanakan pelbagai aktiviti seni dan budaya dalam usaha untuk merancakkan semula aktiviti pelancongan negara.

Sejajar dengan usaha pemulihan pelancongan, MOTAC melalui agensinya, Balai Seni Negara menjalinkan kerjasama strategik dengan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dalam memperlihatkan karya seni tempatan di empat buah lapangan terbang antarabangsa iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Antara penggiat seni muda yang terlibat ialah Kenji Chai, The Other Half, Aftermath Thinker dan Noah Iskandar Fuad.

Senyum tawa pelawat yang dilihat di ruang penghayatan seni di lapangan terbang antarabangsa di seluruh benua Asia dan Eropah telah meyakinkan MOTAC bahawa penampilan sebegini adalah terapi seni

yang kondusif bagi menangani pelbagai tekanan dan cabaran. Ia membuka satu bentuk peluang kepada para penggiat industri seni untuk berkarya di ruang yang unik seperti di lapangan terbang yang cuba kita paparkan.

Saya pasti inisiatif ini dapat menjadi tarikan produk pelancongan baharu yang mana lapangan terbang merupakan pintu masuk negara kepada para pelancong luar dan juga domestik. Syabas kepada komuniti pelukis yang membuktikan bahawa seni dan budaya di Malaysia sentiasa dicintai dan berdaya saing serta dapat menyumbang kepada penjana ekonomi negara.

Ayuh kunjungi dan nikmatilah karya seni yang ada ini dengan mengambil swafoto di ruang tersebut, meletakkan #kulartairport dan kongsikan semula ke platform sosial media.

Semoga usaha murni ini dapat dinikmati dan dihargai oleh seluruh Keluarga Malaysia.

Sekian, terima kasih.